

Krisis: Kepentingan BN lebih utama

BU 28 SEP 1985

Laporan: HAJI NASHRULADIN ABDUL RAHMAN, AHMAD-PUAD ONAH, MIOR KAMARUL SHAHID, ZAINI ZAINUDDIN, NORAINI ISMAIL, SAODAH ELIAS, MANJA ISMAIL, MAHFAR ALI dan BADRUL HISHAM OTHMAN
Jurugambar: MOHAMAD YUSOF, LEE HON YEW, KHALED REDZA dan ABDUL RAHIM HASHIM

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, Barisan Nasional tidak dapat berdiam diri jika krisis dalam sesebuah parti anggotanya bukan sahaja merosakkan parti itu, tetapi mengancam BN.

Perdana Menteri selaku Presiden Umno dan Pengerusi BN, berkata walaupun biasanya parti-parti anggota BN tidak campur tangan dalam masalah rumah tangga masing-masing, kepentingan BN lebih utama daripada kepentingan sesuatu parti anggota.

Berucap di Perhimpunan Agung Umno di sini, beliau memberi ingatan bahawa keinginan Umno

bekerjasama dengan masyarakat Cina janganlah digunakan sebagai alat politik peribadi sesiapa.

"Yang keduanya, wakil masyarakat Cina dalam kerajaan hendaklah orang yang ikhlas serta jujur dan bukan orang yang mengutamakan kepentingan diri," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pemimpin-pemimpin mestilah sanggup tunduk kepada keputusan ramai dan tidak harus mencari isu semata-mata untuk ke-

pentingan diri.

"Pemimpin tidak boleh mempermainkan peraturan supaya kedudukannya dalam parti dikekalkan," ujarnya.

Beliau menjelaskan, Umno tidak berniat untuk campur tangan dalam masalah rumah tangga parti lain dalam BN.

Kecewa

"Tetapi, Umno sebagai anggota BN, tidak sanggup kewibawaan BN terjejas kerana kepentingan sesuatu parti

anggota atau orang-orang tertentu. Dan Umno tidak sanggup ditohmah oleh mereka yang sudah kehilangan pengaruh," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Umno amat kecewa apabila usaha BN menyelesaikan sesuatu masalah itu sebelum pilihanraya telah sengaja diputarbelitkan oleh golongan-golongan tertentu dalam pemilihan pemimpin sebuah parti anggota.

Menurutnya, tujuan dakwaan itu ialah untuk menimbulkan perasaan perkauman yang boleh mempopularkan pihak-pihak tertentu.

Yang anehnya, kata beliau, mereka yang sekarang mendakwa Umno telah campur tangan dalam masalah parti mereka, adalah juga orang yang sama yang dahulunya sering meminta pertolongan supaya diberhentikan orang-orang tertentu daripada parti itu di dalam kerajaan, atau mengambil balik mereka ke dalam kerajaan, kerana tindakan itu dipercayai boleh menolong pihak masing-masing dalam usaha merebut jawatan dalam parti.


Datuk Seri Dr Ma-

hathir juga menjelaskan, Umno menerima kenyataan dan berpegang teguh kepada kebenaran.

Kenyataannya ialah Malaysia adalah negara berbilang kaum. Oleh itu Umno sanggup bekerjasama dengan semua kaum asalkan perjuangan mereka tidak bertentangan dengan kepentingan negara dan perjuangan Umno.

"Kita mengeneppikan sedikit kepentingan kita kerana kita mengutamakan kepentingan negara.

"Kita ingin supaya negara ini stabil dari segi politik dan ekonomi, dan dalam negara majmuk tidak ada sesuatu yang lebih berkesan dalam menentukan kestabilan daripada bekerjasama antara kaum," katanya.



WAKTU SEMBAHYANG HARI INI

BAGI Wilayah Persekutuan (K. Lumpur) dan kawasan yang sewaktu dengannya.

ZUHUR	1.05
ASAR	4.13
MAGHRIB	7.08
ISYAK	8.17
SUBUH	5.45
Matahari naik .	7.01